



Ruj Kami : JANM.TAW.900-1 JLD 3 (78)
Tarikh : 15 MAC 2021

**KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB
TAWAU, KUNAK, SEMPORNA DAN LAHAD DATU**

Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN BERKENAAN TANGGUNGAN BAKI BAYARAN BAGI INDEN KERJA
iGFMS TAHUN 2020 YANG TIDAK DIBAWA MELALUI PROSES PENUTUPAN
AKHIR TAHUN (PAT) 2020**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman pihak tuan, berikut di lampirkan maklumbalas berkenaan **tanggungan baki bayaran bagi Inden Kerja iGFMS yang tidak di bawah melalui proses PAT Tahun 2020** untuk rujukan dan perhatian pihak tuan jua;

Senario	Maklumbalas
<p>Inden Kerja iGFMS dikeluarkan pada tahun 2020 dan bayaran pertama telah dibuat pada tahun 2020.</p> <p>Proses Penutupan Akhir Tahun (PAT) tidak dapat dilaksanakan kerana baki waran peruntukan tahun 2020 telah ditarik semula dan waran peruntukan tahun 2021 mula diterima pada 2 Februari 2021.</p>	<p>Secara dasarnya PTJ telah tidak mematuhi proses membawa Inden Kerja ke tahun 2021 melalui proses Penutupan Akhir Tahun. Kementerian dipohon untuk memastikan penyaluran waran pada masa akan datang dapat dibuat semasa dalam tempoh membawa dokumen ke tahun baru.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, dengan mengambilkira pandangan operasi, naziran dan teknikal, berikut merupakan maklumbalas bagi senario di sebelah.</p> <p>PTJ perlu mengeluarkan Inden Kerja yang baru bagi baki pada 2021 sahaja. Ini bagi memastikan jenis dokumen yang digunakan adalah bertepatan iaitu Inden Kerja pada tahun 2021 dan maklumat yang dikunci masuk melalui Inden Kerja akan konsisten dengan maklumat pada Inden Kerja yang asal (kecuali amaun yang dikunci masuk pada Inden Kerja baru pada tahun 2021 adalah baki sahaja). Maklumat yang disimpan di dalam sistem adalah selari bagi tujuan apa-apa penarikan data kelak sekiranya perlu.</p> <p>Perkara yang perlu diberi perhatian oleh PTJ :</p> <ol style="list-style-type: none">Nombor SST yang dikunci masuk di dalam sistem

Ruj Kami : JANM.TAW.900-1 JLD 3 (78)
 Tarikh : 15 MAC 2021

	<p>bagi Inden Kerja yang baru hendaklah sama dengan nombor SST pada Inden Kerja asal yang dikeluarkan melalui iGFMAS;</p> <ol style="list-style-type: none"> 2. Inden Kerja yang asal merupakan dokumen sah yang asal yang telah diserahkan kepada pembekal untuk apa-apa obligasi yang perlu diselesaikan; 3. Inden Kerja baru yang dikeluarkan pada tahun 2021 adalah bagi tujuan pertanggung sahaja dan dikepilkan bersama Inden Kerja yang lama dan tidak perlu diserahkan kepada pembekal bagi mengelakkan sebarang kekeliruan kepada pembekal; 4. Perihal Inden Kerja baru boleh memasukkan ayat seperti Inden Kerja dijana semula bagi dokumen Inden Kerajaan (asal) bernombor xxxxxx bertarikh xxxxx HANYA utk tujuan tanggungan pertanggung di sistem SAHAJA.
--	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

3. Untuk makluman pihak tuan / puan, **penyelesaian di atas adalah merupakan 'workaround' sahaja. Tatacara yang bertepatan adalah dengan membawa Inden Kerja yang masih belum disempurnakan ke tahun berikutnya melalui proses PAT** dengan memastikan **peruntukan** disalurkan dalam tempoh proses PAT dilaksanakan iaitu dalam tempoh **1 hingga 8 Januari** tahun berikutnya.

4. Perhatian dan kerjasama pihak tuan / puan ke atas perkara ini amatlah di harapkan.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,

(NIZAM BIN LIMUN C.A(M), ACMA, CGMA)

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
 Cawangan Tawau